



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA PERKUKUH KESIAPSIAGAAN HADAPI MUSIM BANJIR DENGAN PELAN PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN

BATU CAVES, 27 NOVEMBER 2025 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi musim banjir dengan melaksanakan Pelan Pengurusan Bekalan Makanan dalam Situasi Kecemasan yang menyeluruh.

Pelan ini melibatkan bukan sahaja penyediaan bekalan makanan penting, tetapi juga pengaktifan pusat operasi, rangkaian logistik yang efisien, pengurusan pasaran, serta koordinasi yang lebih baik bersama agensi-agensi berkaitan di seluruh negara.

Sejak dilantik sebagai Rakan Strategik kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada 2015, FAMA telah diberikan tanggungjawab dalam pembekalan bantuan makanan bencana negara. Bagi sesi 2025/2026, jumlah siling pembekalan ditetapkan sebanyak 60,000 unit Kit Makanan (KM) dan 110,000 unit Makanan Retort (MRE).

Fasa pertama pembekalan telah berjaya menyelesaikan edaran sebanyak 23,600 unit KM, 20,570 unit MRE Petugas, dan 50,000 unit MRE Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke seluruh negara. Negeri Kelantan menerima 4,500 unit KM dan 17,000 unit MRE JKM, manakala Sarawak pula menerima 5,000 unit KM dan 7,000 unit MRE JKM. Pembekalan bagi Fasa Kedua telah dimulakan dengan 13,100 unit KM dan 13,700 unit MRE Petugas.

Kit Makanan yang disediakan mengandungi 12 SKU, termasuk beras, gula, garam, kicap, kopi, bihun, teh uncang, bubur nasi, sardin, dan MRE seperti Ayam Masak Kicap, Rendang Ayam, dan Kari Ayam. Sejak tahun 2015, FAMA telah mengedarkan lebih daripada 418,556 unit KM dan 180,710 unit MRE sebagai bantuan makanan bencana negara.

Untuk memastikan kelangsungan bekalan makanan sepanjang musim banjir ini, FAMA telah melaksanakan empat strategi utama. Pertama, dalam Pengurusan Bekalan, FAMA menubuhkan Pusat Stok Penimbal di setiap negeri, di mana bekalan komoditi utama seperti ayam, jagung, kubis bulat, tomato, lobak merah, dan labu manis akan dipantau melalui Program SISDA.

Kedua, untuk Logistik dan Pengedaran, Rangkaian Agihan Kecemasan melibatkan 42 Pusat Operasi FAMA di seluruh negara, dengan 218 kenderaan dan 147 bilik sejuk yang mampu menyimpan sebanyak 1,426 MT bekalan.

Ketiga, dalam Pengurusan Pemasaran, FAMA melaksanakan Jualan Agro Madani (JAM) di Pasar Tani kawasan terjejas dengan harga rendah serta Jualan Intervensi di outlet FAMA untuk menstabilkan harga dan memastikan akses bekalan di kawasan berisiko.

Keempat, FAMA telah menyediakan 14 Bilik Gerakan Bencana di seluruh negara untuk menjadi saluran komunikasi rasmi kepada orang ramai, serta memberi akses maklumat terkini mengenai bekalan dan situasi bencana melalui media sosial FAMA.

Selain itu, FAMA turut menggerakkan seramai 1,300 anggota CDA-ERT (Civil Defence Auxiliary Emergency Response Team) yang dilatih bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APNM) untuk membantu dalam operasi bencana, yang meliputi pengumpulan data kawasan berisiko, pengurusan logistik, pengagihan kit makanan, dan sokongan kepada mangsa bencana.

Ketua Pengarah FAMA, YBrs. Encik Abdul Rashid bin Bahri, berkata, “FAMA komited untuk memastikan bekalan makanan sampai ke mangsa banjir tanpa sebarang kelewatan. Kami percaya bahawa kesiapsiagaan bukan sahaja soal logistik, tetapi juga tanggungjawab bersama. Oleh itu, FAMA akan terus memperkukuh kerjasama dengan NADMA dan semua pihak berkepentingan untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa dilindungi dalam saat kecemasan.”

FAMA akan terus bekerjasama rapat dengan NADMA, KPKM, APM, dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kelancaran pengurusan makanan sepanjang musim banjir dan meningkatkan keberkesanan tindak balas bencana negara.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
27 NOVEMBER 2025**